

28 OCT 1999

TUNTUTAN 17 PERKARA TIDAK PATUT DIBUAT, KATA DEWAN PERNIAGAAN MELAYU

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Tuntutan-tuntutan menjelang pilihan raya oleh pertubuhan dan persatuan Cina baru-baru ini merupakan satu ugutan kepada kerajaan dan tidak seharusnya dibuat, kata Pemangku Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Bandaraya Kuala Lumpur Syed Amin AlJeffri hari ini.

Katanya tuntutan yang disebut sebagai "17 Perkara" itu mencerminkan seolah-olah kerajaan tidak berlaku adil dalam mengendalikan kepentingan pelbagai kaum di negara ini.

"Sepatutnya mereka tidak membuat tuntutan-tuntutan ini. Apakah motif mereka, seolah-olah hendak menggubal Perlembagaan Malaysia," katanya pada sidang media di pejabat DPMMBKL.

Syed Amin berkata DPMMBKL akan menghantar surat bantahan mengenai tuntutan-tuntutan itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya antara tuntutan yang tidak dipersetujui oleh DPMMBKL ialah:

- \* menggubal akta untuk mencegah diskriminasi kaum dan memansuhkan perbezaan kaum antara bumiputera dan bukan bumiputera,
- \* menggariskan sempadan kawasan pilihan raya berasaskan prinsip satu orang satu undi, memulihkan pilihan raya kerajaan tempatan, dan senator tidak dilantik tetapi dipilih oleh rakyat, dan
- \* membahagi-bahagikan tanah kepada petani tanpa mengira kaum dan menghapuskan sistem kuota berasaskan kaum.

Beliau berkata kerajaan sekarang ternyata sememang pun prihatin dalam menjaga kepentingan semua rakyat di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kaum dan menganut pelbagai agama.

Syd Amin berkata DPMMBKL menyokong penuh dasar-dasar kerajaan dan berdiri teguh di belakangnya kerana dengan corak pemerintahannya adalah semua rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dapat menikmati kemewahan di samping bebas mengamalkan budaya dan agama masing-masing.

-- BERNAMA

meo sj mai